

## **TEKS UCAPAN PENGARAH UTMDIGITAL 31 JANUARI 2021**

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah izin dan rahmatnyaNya dapat kita berkumpul secara maja di sini.

Menjadi tanggungjawab kita semua dalam memastikan projek-projek pembangunan sistem dan infrastruktur Digital dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan berkualiti. Tugas yang digalas ini adalah berat tetapi saya percaya andai kita saling berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan, maka saya yakin kita akan berjaya. Tidak ada yang mustahil untuk kita capai seandainya rajin berusaha, integriti, berdisiplin dan saling bekerjasama. Bak kata pepatah, ‘Bulat air kerana pembetong, bulat manusia kerana muafakatnya’. Namun, saya percaya kita sentiasa berusaha untuk menyelesaikan dan menangani segala masalah ini dengan sebaik mungkin dan bijaksana.

Semasa masih lagi dalam perkhidmatan, adalah menjadi kewajipan serta tanggungjawab kita untuk melaksanakan perubahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan dan memperbaiki mutu kerja kita walaupun bekerja di pejabat ataupun di rumah secara ‘*work from home*’ dalam menghadapi suasana pandemik covid 19 sekarang. Saya penuh yakin, melalui perancangan Ketua-Ketua Projek atau Ketua Seksyen yang telah diatur, pemantauan Timbalan-Timbalan Pengarah masing-masing, tuan-puan akan dapat melalui zaman peralihan ini kepada sesuatu yang bernilai positif.

Sebagai Ketua Jabatan, saya tidak dapat menafikan bahawa saya begitu berbangga dengan pencapaian anda semua. Segala kerja keras dan komitmen jitu anda telah memberikan pulangan yang berbaloi dan menjadikannya sebagai indikator terhadap apa yang diusahakan selama ini. Kerjasama sepasukanlah yang boleh menerbitkan kejayaan yang lebih baik. Insya-Allah, jika kita meletakkan nilai kerjasama sepasukan dan sentiasa bersandarkan kepada ‘Qaif’ atau Kualiti, maka kita akan memperoleh impak kecemerlangan dalam sebarang tugas yang diamanahkan. Dalam apa jua kerja yang dibuat, apa sahaja tanggungjawab yang digalas, sabar adalah antara kunci penting yang perlu diutamakan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama anda selama ini, dalam membantu saya menjayakan setiap pelaksanaan dan pencapaian kerja, semua aktiviti dan program sebelum ini untuk memacu UTMDigital hingga ke tahap hari ini. Dan saya percaya, bahawa ianya masih mampu ditambahbaik dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa ke arah mencapai kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada setiap pelanggan kita.

Terima kasih juga di atas persaudaraan yang dihulurkan sepanjang tempoh saya berkhidmat di UTMDigital. Mohon ampun dan maaf sekiranya terdapat salah dan silap, baik dari tutur kata maupun perbuatan.

Saya mendoakan semoga UTMDigital bertambah mantap, warganya beroleh kesihatan yang baik, sentiasa bekerjasama dan seterusnya dapat merealisasikan apa yang dihasratkan oleh Universiti.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.